

29 JAN 1999

AZHAR BERLAYAR MENGELILINGI DUNIA SELASA INI

LANGKAWI, 29 Jan (Bernama) -- Pelaut Azhar Mansor yang cuba untuk menjadi rakyat Malaysia pertama belayar mengelilingi dunia menggunakan perahu layar, akan memulakan pelayarannya Selasa ini.

Ketika ditemui hari ini, Azhar, 40, berkata semua persiapan telah dilakukan bagi memastikan perlayaran itu berjalan lancar.

Azhar juga telah menerima pentauliahahan daripada "World Sailing Speed Record Council (WSRC) untuk pelayaran itu.

Azhar yang berasal dari Perlis berkata pelayaran itu akan dimulakan pada kira-kira pukul 3.30 petang, selepas majlis pelancarannya oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Awana Porto Malai Resort, Tanjung Malai di sini.

Azhar akan melalui laluan baru 21,600 batu nautika, yang telah disahkan oleh WSRC dalam usahanya untuk memecahkan rekod yang dipegang oleh rakyat Perancis, yang belayar selama 105 hari.

Pada 25 Okt tahun lepas, Azhar telah belayar dengan kapal layarnya itu bernilai RM1.8 juta sejauh 10,000 km dari Sydney, Australia ke Pelabuhan Klang, yang mana ia juga adalah satu rekod.

Kapal layar itu, Jalur Gemilang, telah direka bentuk oleh pereka kapal layar yang terkemuka Scott Jutson.

-- BERNAMA

NH RI